

18 OCT 1999

MAHATHIR-TABUNG

EMF BOLEH DISALURKAN KE NEGARA ASIA LAIN

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa Tabung Kewangan Asia Timur (EMF) yang dicadangkan boleh disalurkan kepada negara-negara Asia yang lain.

"Buat masa sekarang, satu kawasan yang benar-benar mencapai kejayaan ialah Asia Timur, kita seharusnya bermula dari sini dan tentunya tiada sebab mengapa kita tidak boleh menyalurkannya kepada negara-negara lain," katanya.

Bagaimanapun, "memandangkan kawasan yang paling maju di dalam Asia yang begitu pelbagai dari segi etnik dan budaya," Asia Timur bolehlah menubuhkan EMF."

"Saya berpendapat kita perlu memulakan EMF, ia boleh bermula di mana kita mulakan," katanya ketika memberi penjelasan mengenai EMF yang diilhamkannya ketika menyampaikan ucap tamanya di sidang kemuncuk Ekonomi Asia Timur di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata EMF akan membolehkan negara-negara serantau membiayai pemulihan ekonomi mereka sendiri setelah dilanda krisis kewangan.

Bagaimanapun, EMF seharusnya mengelakkan diri daripada memberi penyelesaian yang serupa untuk ekonomi-ekonomi yang terjejas secara kewangan, katanya semasa sesi soal jawab.

"Kita perlu bersikap pragmatik mempelajari keadaan di negara (tertentu) dan merekacipta sesuatu yang berguna untuk ekonomi tertentu," katanya.

"Kita harus pragmatik dan tidak menggunakan pendekatan IMF yang memberi hanya satu penawar untuk menyelesaikan setiap masalah," katanya.

"Perkara yang penting ialah kita tidak seharusnya mempunyai sebarang prasangka, ia tidak seharusnya mempunyai satu penawar untuk segala keadaan," katanya.

Ditanya sama ada Tabung Kewangan Asia (AMF) ditolak oleh negara-negara maju boleh menghalang krisis kewangan daripada menjadi bertambah teruk dengan membantu ekonomi-ekonomi yang terjejas, katanya: "Malangnya kita tidak boleh ia mungkin berlaku kerana kita dihalang daripada berbuat demikian."

Ditanya pula sama ada EMF samalah seperti menghidupkan semula Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC), beliau berkata "Malaysia tidak pernah menyerahkan kalah tentang idea (EAEC) itu."

Menjawab soal mengenai prospek pasaran serantau Asian, menteri itu berkata rantau ini sebenarnya bergerak ke arah itu.

Ekonomi-ekonomi di rantau ini saling melengkapi antara satu sama lain dan jika kerjasama wujud, maka pasaran Asia Timur yang besar boleh dihasilkan, katanya.

Ditanya mengenai peranan bank-bank asing dalam urusan penggabungan bank di Malaysia, beliau berkata terdapat 13 bank asing yang 100 peratus milik asing tetapi mereka tidak dibenarkan menguasai sepenuhnya bank-bank Malaysia.

Bagaimanapun, bank-bank asing boleh menjadi pemegang saham kecil tetapi tidak boleh menguasai sepenuhnya bank-bank di Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

TCL SHY MA